

## Dua ditahan, 4,632 kg gas LPG disita

Basir Abu Bakar  
19 September 2019 12:30 PM



Tiga anggota KPDNHEP memeriksa tong gas cecair petroleum (LPG) bersubsidi yang dirampas dalam Operasi Barang Kawalan LPG di sebuah premis di Jalan 12/155, Bukit OUG dekat sini.

**KUALA LUMPUR 19 Sept.** – Gara-gara menyeleweng gas cecair petroleum (LPG) bersubsidi, dua lelaki ditahan dalam Operasi Barang Kawalan LPG di sebuah premis di Jalan 12/155, Bukit OUG dekat sini semalam.

Dalam serbuan pada pukul 5 petang itu, penguat kuasa Pejabat Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (PPDNHEP) Selangor berjaya merampas 315 tong gas LPG bersubsidi seberat 4,632 kilogram berkapasiti 12, 14 dan 50 Kilogram (Kg).

Difahamkan suspek yang ditahan membabitkan seorang pekerja dan pemilik premis kerana didapati menyembunyikan LPG bersubsidi di tempat tidak berlesen sebelum di pasarkan di sekitar Lembah Klang, manakala kesemua mereka ditahan bagi membantu siasatan.

Siasatan awal mendapati, selain 315 tong gas LPG tersebut, KPDNHEP turut merampas sebuah lori dua tan, sejumlah invois transaksi belian dan jualan LPG berkenaan.

Kesemua barang rampasan dalam serbuan tersebut dianggarkan bernilai RM58,688.

Pengarah PPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, kerajaan memandang serius dalam menangani isu penyelewengan LPG bersubsidi dan akan mengambil tindakan tegas bagi mengelakkan berlakunya ketirisan barangan kawalan bersubsidi tersebut.

“PPDNHEP Selangor melalui peruntukan undang-undang sedia ada akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mana-mana pengusaha LPG yang didapati melanggar peraturan.

“Pengusaha dinasihatkan agar mematuhi undang2 seperti memastikan mempunyai lesen yang sah sekiranya berurusanniaga berkaitan barang kawalan ini termasuklah memastikan buku stok diselenggara dengan baik,” katanyanya.

Muhamad Zikril memberitahu, kes disiasat di bawah Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana menyimpan barang kawalan di tempat tidak dilesenkan.

Jika sabit kesalahan, denda maksimum adalah RM1juta bagi syarikat perseorangan manakala RM2juta bagi pertubuhan atau penjara selama tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. – UTUSAN ONLINE

